

## Kerangka Konsep Penginapan Pelancongan Mesra Muslim bagi Program Pengalaman Homestay di Malaysia

Nur Ammera Suhaimai<sup>1,a\*</sup> dan Suhaida Herni Suffarruddin<sup>2,b</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Ekonomi dan Mualamat, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Malaysia

<sup>2</sup>Fakulti Ekonomi dan Mualamat, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Malaysia

<sup>a</sup>ammera.suhaimai@gmail.com

<sup>b</sup>suhaidaherni@usim.edu.my

\*Corresponding Author: [ammera.suhaimai@gmail.com](mailto:ammera.suhaimai@gmail.com)

**Abstrak:** Destinasi pelancongan mesra Muslim bukan sahaja menjadi pilihan utama dalam kalangan pelancong Muslim malah turut menarik minat pelancong bukan Muslim. Minat terhadap destinasi mesra Muslim ini telah membuka peluang kepada pengusaha pelancongan di Malaysia menyediakan perkhidmatan berorientasikan mesra Muslim termasuk program pengalaman homestay yang berteraskan pelancongan budaya. Potensi ini berupaya menyumbang kepada peningkatan industri pelancongan Malaysia, sekaligus memperkuat kedudukan negara sebagai destinasi pilihan pelancong. Namun, panduan penginapan berkonseptan mesra muslim wajar dibangunkan agar pengusaha dapat membuat penambahbaikan penginapan menuju ke arah mesra muslim. Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk menerokai kriteria penginapan pelancongan mesra muslim yang dilaksanakan di Kampungstay Desa Murni, Pahang. Kajian ini juga masih dalam fasa awal, dan dijangka akan menyumbang kepada literatur pelancongan Islam, khususnya dalam pembangunan rangka kerja konseptual untuk kriteria penginapan mesra Muslim. Teknik pengumpulan data yang dicadangkan adalah secara temu bual bersama pengusaha bagi mendapatkan dapatan secara terperinci berkaitan tiga elemen utama iaitu privasi dan keselamatan; kemudahan dan persekitaran; kebersihan dan keselesaan. Penemuan kajian ini adalah untuk membangunkan kerangka konseptual kriteria penginapan pelancong mesra muslim bagi program pengalaman homestay di Malaysia. Kerangka konsep ini amat bermanfaat kepada pemain industri sebagai penanda aras dalam merancang strategi sekaligus menyokong pelancongan islam di Malaysia.

**Kata Kunci:** Penginapan pelancongan mesra muslim, program pengalaman homestay, kriteria mesra muslim, pelancongan islam.

### 1. Pengenalan

Program Pengalaman Homestay yang diperkenalkan pada tahun 1995, bertujuan untuk menyediakan pakej pelancongan luar bandar yang menarik untuk pelancong. Pakej pelancongan ini menawarkan pelbagai tarikan seperti penginapan, masakan tradisional, aktiviti kebudayaan, dan produk buatan komuniti (Suffarruddin et al., 2021). Setiap program pengalaman homestay mempunyai tawaran pakej yang unik agar dapat memenuhi kehendak serta kepuasan pelancong. Di samping itu, fokus utama program ini juga adalah untuk menjadikan program pengalaman homestay lebih menarik kepada pelancong Muslim, selari dengan matlamat kerajaan mengekalkan Malaysia sebagai destinasi mesra Muslim yang utama

bagi pelancong domestik dan antarabangsa. Destinasi mesra Muslim menitikberatkan kepatuhan kepada amalan patuh syariah dalam semua aspek perkhidmatan dan penginapan (Samuni et al., 2022). Ini bukan sahaja melibatkan penyediaan makanan dan minuman halal, tetapi juga merangkumi semua operasi, penginapan, dan hospitaliti yang harus mematuhi prinsip-prinsip syariah. Matlamat utama dalam menyediakan penginapan pelancongan mesra Muslim adalah untuk mendapatkan keredaan Allah SWT, selari dengan matlamat utama syariah, iaitu menggalakkan kebaikan dan mencegah kemungkar (amar makruf nahi mungkar). Walau bagaimanapun, sejauh manakah program pengalaman homestay Malaysia boleh diklasifikasikan sebagai destinasi mesra Muslim sebagai bagi menjadikan statusnya sebagai pilihan utama bagi pelancong Muslim.

Piawaian Perkhidmatan Hospitaliti Mesra Muslim (MFHS - MS 2610:2015) bertindak sebagai garis panduan kepada pengusaha dalam menyediakan produk pelancongan berkonseptan mesra Muslim. Berdasarkan piawaian ini, MFHS boleh digunakan oleh pengusaha program pengalaman homestay sebagai rujukan untuk menyediakan penginapan dan perkhidmatan yang sesuai untuk pelancong Muslim. Pendedahan ini memerlukan kajian yang lebih terperinci dengan menganalisis kesesuaian kriteria untuk program pengalaman homestay berdasarkan MFHS. Kriteria khusus perlu dibangunkan bagi memastikan semua aktiviti, perkhidmatan, dan produk yang ditawarkan mematuhi peraturan dan prinsip syariah serta memberi sumbangan positif kepada pertumbuhan industri pelancongan Islam. Kerangka yang terhasil juga boleh dijadikan sumber yang berharga untuk pengusaha program pengalaman homestay dalam memenuhi keperluan sebagai penginapan pelancongan mesra Muslim.

Tambahan lagi, pelancong juga telah menyuarakan pelbagai kebimbangan mengenai kepatuhan syariah di dalam penginapan seperti program pengalaman homestay (Othman et al., 2019). Menurut kajian Ibrahim dan Hashim (2023), tahap kepatuhan syariah dalam program pengalaman homestay di Malaysia masih di bawah standard yang diinginkan. Hal ini kerana garis panduan umum yang disediakan oleh MOTAC adalah tidak secara spesifik kepada konsep penginapan program pengalaman homestay. Oleh itu, terdapat keperluan mendesak untuk menangani jurang dalam mencapai program pengalaman homestay mesra Muslim. Di samping itu, ianya juga memerlukan usaha kolaboratif daripada agensi yang berkaitan seperti Pusat Pelancongan Islam (ITC), Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan (MOTAC), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), dan Persatuan Kampungstay dan Homestay Malaysia (MKHA). Oleh itu, tujuan kajian ini adalah untuk meneliti kriteria kepatuhan syariah yang penting bagi mengklasifikasikan program pengalaman homestay sebagai penginapan pelancongan mesra Muslim.

## 2. Sorotan Literatur

Di Malaysia, program pengalaman homestay merupakan salah satu produk pelancongan komuniti yang diperkenalkan oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) pada tahun 1995. Berdasarkan laporan MOTAC (2024), program ini memberikan pelancong pengalaman tinggal bersama keluarga angkat, berinteraksi dengan mereka, merasai kehidupan seharian, dan mendalami budaya masyarakat luar bandar. Setiap program homestay ini dikendalikan oleh seorang penyelaras yang bertanggungjawab memimpin inisiatif untuk meningkatkan aktiviti komuniti dan ekonomi setempat (Mapjabil et al., 2017; MOTAC, 2024). Para peserta program ini termasuk pengusaha homestay, usahawan luar bandar, serta komuniti

yang menyediakan pakej aktiviti kepada pelancong (Keling & Entebang, 2017; Suffarruddin et al., 2021).

Dalam konteks program pengalaman homestay di Malaysia, penginapan merupakan komponen utama yang ditawarkan untuk pelancong merasai kehidupan sehari-hari dan berinteraksi dengan komuniti setempat. Kajian ini mengenal pasti empat aspek utama dalam penginapan pelancongan mesra Muslim: keselamatan dan privasi, kebersihan dan keselesaan, ruang dan susun atur, serta persekitaran dan fasiliti.

### ***Keselamatan dan Privasi***

Keselamatan dan privasi adalah keutamaan bagi pelancong Muslim, di mana mereka lebih memilih penginapan yang memisahkan antara lelaki dan wanita serta menyediakan bilik berasingan dari tuan rumah. Menurut Ibrahim dan Hashim (2023), tahap keselamatan yang tinggi adalah kritis dan ia termasuk dalam garis panduan yang diberikan oleh pihak berkuasa tempatan.

### ***Kebersihan dan Keselesaan***

Kebersihan dan keselesaan adalah asas dalam memastikan pelancong Muslim mendapat pengalaman yang positif. Pengusaha homestay perlu menjaga kebersihan bilik tidur, bilik mandi, dan kawasan umum serta menyediakan kemudahan seperti katil yang selesa dan penyaman udara. Pranika et al. (2023) menekankan bahawa pelancongan mesra Muslim semakin berkembang dan pelancong Muslim menuntut keselesaan dan kemudahan dalam menjalankan ibadah ketika melancong.

### ***Ruang dan Susun Atur***

Penginapan yang mempunyai ruang mencukupi untuk solat, arah kiblat yang jelas, serta menyediakan sejadah dan Al-Quran adalah penting untuk memenuhi keperluan pelancong Muslim. Susun atur bilik yang memudahkan pergerakan dan memberi ruang peribadi turut memainkan peranan dalam memberikan pengalaman yang selesa. Muin et al. (2022) menegaskan bahawa reka bentuk ruang penginapan homestay yang mesra Muslim adalah penting bagi menarik pelancong.

### ***Persekutaran dan Fasiliti***

Persekutaran homestay yang tenang dan tidak mengganggu aktiviti ibadah, serta fasiliti yang mematuhi syariah, seperti dapur halal dan akses mudah ke masjid atau surau, menambah nilai kepada pengalaman penginapan. Maklumat mengenai tempat makan halal dan pusat membeli-belah mesra Muslim turut meningkatkan tahap kepuasan pelancong. Tarmizi (2022) menyatakan bahawa promosi pelancongan mesra Muslim oleh Malaysia mampu meningkatkan kesedaran industri terhadap konsep mesra Muslim serta menarik lebih ramai pelancong.

Secara keseluruhannya, penyediaan penginapan homestay yang memenuhi keperluan pelancong Muslim dalam aspek keselamatan, keselesaan, dan kemudahan ibadah adalah kunci untuk memastikan destinasi tersebut dilihat sebagai mesra Muslim dan mampu menarik pelancong Muslim dari dalam dan luar negara.


### **3. Metodologi Kajian**

Kajian kes merupakan pendekatan kualitatif yang digunakan untuk meneroka fenomena sebenar secara mendalam melalui pelbagai sumber maklumat (Creswell, 2014). Kaedah ini melibatkan kajian empirikal dalam konteks semula jadi untuk mendapatkan pemahaman yang lebih terperinci daripada responden yang berpengalaman dengan isu yang dikaji (Yin, 2014). Kes yang dipilih bergantung kepada skop dan objektif kajian. Objektif kajian ini adalah untuk membangunkan kerangka konsep kriteria penginapan pelancongan mesra muslim bagi program pengalaman homestay di Malaysia.

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui temu bual separa berstruktur dengan kajian kes dijalankan di Kampungstay Desa Murni. Data yang dikumpul akan dianalisis menggunakan teknik analisis kandungan. Terdapat empat jenis reka bentuk kajian kes, yang boleh dibahagikan kepada kes tunggal dan kes berbilang yang melibatkan unit analisis tunggal atau menyeluruh (Yin, 2014). Oleh itu kajian ini memilih reka bentuk kajian kes tunggal dengan melibatkan unit analisis menyeluruh.

### **4. Cadangan dan Kesimpulan**

Kajian ini bertujuan membangunkan kerangka konsep kriteria penginapan pelancongan mesra Muslim untuk program pengalaman homestay sebagai penanda aras untuk memenuhi prinsip patuh syariah. Inisiatif ini berfokus kepada pengkomersialan program pengalaman homestay di Malaysia, selaras dengan tren penyelidikan semasa dan visi Malaysia menjadi destinasi mesra Muslim. Kajian ini mencadangkan agar kriteria dalam konteks Islam dipertimbangkan dan dipraktikkan untuk menjadikan homestay lebih menarik kepada pelancong Muslim. Rajah 1 menunjukkan Cadangan kerangka konsep penginapan pelancongan mesra muslim bagi program pengalaman homestay di Malaysia.



Rajah 1. Cadangan Kerangka Konsep Penginapan Pelancongan Mesra Muslim Bagi Program Pengalaman Homestay

Kerangka kajian ini akan digunakan sebagai panduan untuk menjalankan pengumpulan data secara temu bual bersama pengusaha homestay di Kampungstay Desa Murni, Pahang. Hasil kajian ini boleh digunakan oleh pengusaha program pengalaman homestay yang lain untuk membangunkan penginapan mesra muslim. Di samping itu, ianya juga berpotensi untuk membantu industri pelancongan dalam merancang strategi pembangunan program homestay

dan menyokong pertumbuhan industri pelancongan Malaysia, sejajar dengan matlamat Dasar Pelancongan Negara (DPN 2020-2030) untuk menjadikan Malaysia antara 10 destinasi pelancongan global teratas dan mengekalkan kedudukannya sebagai destinasi mesra Muslim terbaik.

Di masa hadapan, kajian lanjut boleh dilakukan terhadap program pengalaman homestay yang lain untuk mengesahkan kerangka kajian ini dan memastikan keberkesanan pelaksanaan kriteria tersebut di pelbagai lokasi. Usaha ini dijangka bukan sahaja meningkatkan daya saing Malaysia sebagai destinasi pelancongan mesra Muslim, tetapi juga memperkuuhkan reputasi negara di peringkat antarabangsa.

## 5. Penghargaan

Para penyelidik ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi (MOHE) atas tajaan Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS/1/2023/SS01/USIM/02/7) bagi pembiayaan kajian ini.

## Rujukan

- Creswell, J. W. (2014). *Educational Research: Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research* (4th Ed.). Harlow: Pearson.
- Ibrahim, I. K. B. W., & Hashim, K. S. H. Y. (2023). Shari'ah compliance safety for Malaysia Homestay Muslim Travelers. *Halalpshere*, 3(1), 1-10.
- Muin, S. A., Samuni, N., & Abdullah, M. N. A. (2022). Pelaksanaan Homestay Patuh Syariah dalam Aspek Reka Bentuk dan Ruang Persekutaran Kemudahan Penginapan Mesra Muslim di Sabah. *Jurnal Sains Insani*.
- Othman, R., Azman, A., Hashim, K. S. H. Y., Radin, H., Adzhar, M., Mahamod, L. H., & Fadzillah, N. A. (2019). Assessment of Agro-Based Homestay Activities towards Muslim Friendly Tourism. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 9(2), 901-909.
- Pranika, R., Ghofur, R. A., Madnasir, M., Zaelani, A. Q., & Fasa, M. I. (2023). Analysis Of The Global Muslim Travel Index (Gmti) Muslim-Friendly Tourism In Improving Community Economy Reviewed From An Islamic Economic Perspective. *Jurnal Ilmiah Manajemen, Ekonomi, & Akuntansi (MEA)*, 7(3), 1267-1284.
- Samuni, N., Muin, S. A., & Abdullah, M. N. A. (2022). Implementation of Syaria Compliant Homestays in the Aspect of Design and Environmental Space of Muslim-Friendly Accommodation Facilities in Sabah. *Sains Insani*, 7(2), 64-73.
- Suffarruddin, S.H., Jaafar, M. & Rahman, S. (2021). Keupayaan Pelaksanaan Inovasi Produk dalam Program Homestay di Semenanjung Malaysia. *Jurnal Pengurusan*, 61, 1-14.
- Tarmazi, S. A. A., Hamid, S. F., Tan, Z. M. A., Bakar, A. R. A., & Zain, Z. M. (2022). Malaysian Acceptance of Muslim-Friendly Hotels: What Else Can It Provide? *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(9), e001765-e001765.
- Yin, R. K. (2014). *Case Study Research. Design and Methods*, 5th ed. California: SAGE Publications.